

GAYA PEMBELAJARAN PELAJAR-PELAJAR CEMERLANG TAHUN EMPAT FAKULTI PENDIDIKAN

Ahmad Johari Bin Sihes & Aidah Quriah Binti Aziz
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar cemerlang tahun empat Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Seramai 56 orang responden yang terdiri daripada 48 orang perempuan dan lapan orang responden lelaki yang dipilih berdasarkan purata CPA 3.5 keatas. Gaya yang dikaji adalah model gaya pembelajaran Kolb(1976). Instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpulkan maklumat dalam penyelidikan ini. Data dianalisis untuk melihat frekuensi dan peratusan. Dapatan dari kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar cenderung kepada gaya pembelajaran Diverger disusuli dengan gaya pembelajaran Assimilator sebagai gaya pembelajaran yang kedua kerap diamalkan. Converger dan Accomadator adalah gaya pembelajaran yang paling kurang diamalkan. Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar dengan kesemua pembolehubah yang telah ditentukan iaitu Jantina, pendapatan keluarga dan keputusan Matematik Moden dan Bahasa Inggeris dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Beberapa cadangan dikemukakan untuk mempertingkatkan lagi mutu pembelajaran pelajar-pelajar ke arah yang lebih cemerlang.

Abstract: The aim of this research is to study excellent students learning styles. Based on Kolb (1976) learning styles model. Fiftysix excellent student from the Faculty of Education involved in the study. Which of consist of 48 female and 8 male students. The were selected based on their overall CPA 3.5 and above. Questionnaire were used on their instrument to collect data. The data were analysed to yield frequancies and percentages. Finding show that majority of the students tend to have a similar learning style preference namely, Diverger followed by preference Assimilator. The least preferred style was Converger and Accomadator. The result also indicates that the no significant differences between gender, Family income, English and Modern Mathematic grade in Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). The lot of suggestions to increase the student's quality styles of learning for excellent.

Katakunci: gaya pembelajaran

Pengenalan

Belajar di universiti atau menara gading memang menjadi cita-cita semua orang, terutama yang masih belajar dibangku sekolah. Semua orang ingin dipanggil mahasiswa dan kemudian siswazah. Namun demikian, gaya pembelajaran di menara gading jauh berbeza daripada gaya pembelajaran di sekolah, maktab dan di institusi. Terdapat peraturan dan panduan tertentu yang perlu dipatuhi dan diamalkan demi kecemerlangan.

Di universiti, para pelajar akan membentuk gaya pembelajarannya sendiri. Para pensyarah yang mengendalikan mereka hanya bertanggungjawab tentang subjek yang diajar tanpa menghiraukan proses kognitif pelajar. Kajian mengenai gaya pembelajaran dan pencapaian pelajar telah mendapati bahawa mengajar pelajar bagaimana untuk belajar dan menguruskan gaya pembelajaran masing-masing merupakan sesuatu yang penting dalam membantu pencapaian akedemik yang cemerlang (Matthwews, 1991, Biggs & Moore, 1993, Atkinson,1998) dalam Mohd Nazari Mohd.

Penyataan Masalah

Gaya pembelajaran harus sesuai dan tepat bagi memenuhi kehendak pelajar dan gred ujian atau peperiksaan. Sesuatu aktiviti pembelajaran yang berjaya bergantung kepada kesediaan pelajar memilih operasi yang wajar, mengekalkan pengeluaran operasi tersebut dan mengeluarkan sejumlah usaha ke arah matlamat yang dikehendaki (Mohd.Daud Hamzah, 1990).

Namun apabila berada di institusi pengajian tinggi, kebanyakan pelajar sukar memperoleh atau mengekalkan keputusan cemerlang apabila berada dalam tahun ketiga dan tahun keempat. Didapati bahawa tidak ramai pelajar memperoleh keputusan cemerlang berdasarkan daripada bilangan pelajar yang memperoleh CPA 3.5 dan keatas. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui gaya pembelajaran yang paling dominan yang diamalkan oleh pelajar-pelajar cemerlang Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan universiti Teknologi Malaysia.

Adakah faktor jantina mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar? Penyelidik ingin mengenalpasti samada terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar dengan jantina pelajar.

Faktor ibubapa atau penjaga yang mendidik anak-anak semasa kecil sehingga besar memainkan peranan penting bagaimana pelajar tersebut akan memproses maklumat. Kedudukan sosioekonomi penjaga juga sering mempengaruhi situasi persekitaran dalam pendidikan anak-anak. Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengenalpasti hubungan diantara gaya pembelajaran dengan pendapatan penjaga.

Pelajar yang dipilih ke institusi pengajian tinggi lazimnya adalah pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan awan di Malaysia ketika di sekolah. Oleh itu, rata-rata pelajar yang mengikuti pengajaran di institusi pengajian tinggi mempunyai pencapaian akademik yang baik sebelum ke universiti. Dengan itu, penyelidik ingin mengenalpasti adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara gaya pembelajaran dengan tahap pencapaian subjek Matematik dan Bahasa Inggeris dalam Sijil Pelajaran Malaysia yang telah mereka perolehi dalam Sijil Pelajaran Malaysia.

Menurut Mazlan (2003) kajian yang telah dijalankan oleh Dunn & Dunn & para professor serta penyelidik lain di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mempunyai pencapaian yang lebih cemerlang, lebih berdisiplin dan mempunyai sikap yang lebih positif terhadap pembelajaran apabila pengajaran disemai dengan gaya pembelajaran pelajar.

Objektif Kajian

Gaya pembelajaran ialah bagaimana cara seseorang pelajar itu belajar ataupun cara belajar yang diamalkan oleh pelajar. Pengkaji telah memilih dan mengklasifikasikan beberapa aspek iaitu dengan menggunakan Inventori Gaya Pembelajaran Kolb. Matlamat kajian ini adalah untuk mengetahui dan mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar -pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan yang mendapat Anugerah Kepujian bagi keseluruhan semester (CPA). Diantara objektif yang ingin dikenalpasti adalah:

1 Menenalpasti gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan oleh pelajar-pelajar cemerlang berdasarkan gaya pembelajaran Kolb.

2 Menenalpasti perbezaan yang signifikan diantara gaya pembelajaran dikalangan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan (dari segi Jantina)?

3 Menenalpasti hubungan diantara gaya pembelajaran dengan pendapatan keluarga.

4 Menenalpasti hubungan diantara gaya pembelajaran dengan tahap pencapaian subjek Matematik Moden dan Bahasa Inggeris dalam SPM.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengetahui adakah terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar dalam mempertingkatkan prestasi akademik. Kepentingan kajian ini adalah untuk:

Kepentingan Kepada Pelajar.

Dapat memberi garis panduan kepada pelajar untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar-pelajar cemerlang dan seterusnya menjadikannya sebagai satu contoh untuk berjaya. Dengan mengenalpasti suatu gaya pembelajaran pelajar dapat mengeksplotasikan kekuatan yang terdapat dalam gaya pembelajaran tertentu yang biasanya digunapakai oleh pelajar-pelajar cemerlang

Pentadbiran Fakulti Pendidikan.

Kajian ini penting kerana ia dapat memberi satu gambaran sebenar mengenai gaya pembelajaran pelajar-pelajar cemerlang fakulti pendidikan. Hasil dapatan dari kajian ini dapat dimanfaatkan kepada pihak pentadbiran fakulti pendidikan untuk merancang dan merangka program yang tersusun dalam meningkatkan prestasi pelajar dan melahirkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar yang cemerlang.

Kepentingan Kajian Pensyarah

Pensyarah boleh mengenal pasti gaya pembelajaran yang biasanya digunakan oleh pelajar-pelajar cemerlang. Dengan ini pensyarah dapat menyediakan kaedah dan alat bantu mengajar (ABM) yang sesuai bagi melahirkan lebih ramai pelajar yang cemerlang dan mengekalkan prestasi pelajar-pelajar yang sudah ada.

Skop Kajian

Kajian ini adalah berkaitan gaya pembelajaran pelajar-pelajar cemerlang tahun empat yang mendapat anugerah kepujian bagi semua semester (CPA) bagi Fakulti Pendidikan. Fokus penyelidikan adalah untuk mengetahui gaya pembelajaran pelajar-pelajar cemerlang dari Fakulti Pendidikan Sahaja.

Kajian ini hanya dilaksanakan bagi pelajar-pelajar tahun empat fakulti pendidikan dan dijalankan menggunakan kaedah soal selidik dengan menggunakan satu set soal selidik sebagai instrumen. Sampel kajian ini terdiri daripada 56 orang pelajar-pelajar cemerlang tahun empat bagi Fakulti pendidikan yang terdiri daripada pelajar-pelajar SPA, SPC ,SPE ,SPH ,SPI , SPJ ,SPK ,SPL ,SPM , SPN,SPS dan SPT.

Metodologi

Populasi Kajian

Populasi dalam kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar cemerlang tahun empat (SPA, SPC ,SPE ,SPH ,SPI , SPJ ,SPK ,SPL ,SPM ,SPN ,SPS dan SPT) Fakulti Pendidikan (FP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Mereka merupakan pelajar yang mendapat CPA (Purata himpunan mata Nilai adalah 3.5 keatas) iaitu seramai 64 orang.

Sampel Kajian

Sampel adalah contoh daripada populasi dan merupakan sumber untuk mendapatkan data Mohd Najib Ghaffar (1997). Beliau menyatakan bahawa lebih besar peratusan sampel adalah lebih baik kerana

penyelidik mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi. Dalam kajian ini, Pengkaji mengkaji seramai 56 orang sampel sahaja daripada keseluruhan populasi

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah dalam bentuk soalselidik yang merangkumi beberapa item. Penyelidik merasakan kaedah ini adalah merupakan yang paling sesuai untuk mendapatkan maklumat dan data-data dari responden. Ini kerana melalui kaedah ini maklumbalas terhadap aspek yang dikaji dapat diperolehi secara terus daripada responden dan ianya cepat serta menjimatkan masa dan perbelanjaan. Soal selidik yang digunakan ini adalah berdasarkan Inventori Gaya Pembelajaran Kolb (1976) yang telah diterjemahkan oleh Tee Tze Kiong (2003). Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Keterangan lanjut pada setiap bahagian adalah seperti berikut:

Bahagian A

Bahagian ini mengandungi 7 soalan yang berkaitan dengan maklumat latar belakang responden. Soalan-soalannya merangkumi jantina, kursus, bangsa, bilangan adik beradik, pendapatan keluarga, bilangan ahli keluarga dan pencapaian dalam SPM bagi matapelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris.

Bahagian B

Inventori kajian yang digunakan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar adalah inventori Gaya Pembelajaran Kolb (1976) yang telah diubahsuai (bahagian B). Inventori ini mengandungi sembilan item yang mempunyai empat pilihan yang mengelaskan seseorang responden tentang cara menyerap ilmu pengetahuan yang disampaikan. Responden akan dibahagikan kepada empat kategori:

- I. Pengalaman konkrit (Concrete Experience) CE
- II. Pemerhatian Reflektif (Reflective Observation) RO
- III. Pengkongsian Abstrak (Abstract Conceptualization) AC
- IV. Pengujian Aktif (Active Experimentation) AE

Kajian Rintis

Untuk mengetahui keesahan soal selidik, satu kajian rintis telah dijalankan. Kajian ini dijalankan ke atas 10 pelajar cemerlang tahun tiga fakulti pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk memastikan ketepatan soal selidik dari aspek kefahaman pelajar dari segi tatabahasa, isi kandungan, kejelasan serta kebolehpercayaan soalan. Selain daripada itu ia juga digunakan untuk membuat anggaran masa yang sesuai untuk menguruskan soal selidik itu kelak. Menurut Mohamad Najib (1998), ujian Alpha Cronbach digunakan kerana ia merupakan salah satu ujian statistik bagi mendapatkan koefisien kebolehpercayaan. Dalam kajian rintis yang dijalankan seramai 10 orang pelajar, nilai alpha yang diperolehi adalah 0.83. Kajian telah dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Sosial Science). Version 14.00 for Windows

Menurut Mohd Majid (1998) dalam NorulAida (2007), pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan, sehubungan dengan itu soal selidik dalam kajian ini telah melebihi nilai 0.60 dan nilai kebolehpercayaan dalam soal selidik boleh digunakan.

Keputusan

Persoalan Kajian 1

Apakah gaya pembelajaran yang paling dominan oleh pelajar-pelajar cemerlang tahun empat fakulti pendidikan berdasarkan gaya pembelajaran Kolb?

Berdasarkan jadual 1, terdapat sebilangan besar responden cemerlang tahun empat fakulti pendidikan mempunyai gaya pembelajaran Diverger. Jumlah mencatatkan jumlah responden tertinggi iaitu seramai 38 orang responden atau mewakili 67.9% .Ia disusuli oleh gaya Assimilator iaitu seramai 8 orang responden atau meakili 14.3%. Manakala Converger dan Accomodator masing-masing mencatatkan 5 orang responden atau mewakili 8.9%.

Jadual 1: Gaya pembelajaran yang paling dominan oleh pelajar-pelajar cemerlang tahun empat fakulti pendidikan

Gaya Pembelajaran	Frekuensi	Peratus
Accomadator	5	8.9%
Diverger	38	67.9%
Converger	5	8.9%
Assimilator	8	14.3%
Jumlah	56	100%

Perbincangan

Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan 56 orang responden dari fakulti pendidikan yang terdiri daripada 8 orang pelajar lelaki dan 48 orang pelajar perempuan. Bahagian ini juga melibatkan dalam pengumpulan data berkaitan kursus, bangsa, bilangan adik beradik jumlah pendapatan ibubapa dan keputusan dalam subjek Matematik dan Bahasa Inggeris dalam SPM.

Persoalan Kajian 1

Gaya pembelajaran yang paling dominan oleh pelajar-pelajar cemerlang tahun empat fakulti pendidikan berdasarkan Gaya Pembelajaran Kolb(1976).

Bahagian ini menjelaskan dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan. Berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh sebilangan besar responden cemerlang tahun empat fakulti pendidikan mempunyai gaya pembelajaran Diverger. Iaitu mencatatkan jumlah responden tertinggi iaitu 38 orang responden atau mewakili 67.9% .

Menurut Kolb(1976) pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran jenis pencapaian diverger yang mempunyai kebolehan imaginatif yang kuat. Mereka tergolong dalam kategori ini dapat memandang

sesuatu situasi dari perspektif berbeza dan menjana idea secara spontan. Hasil dapatan ini mempunyai persamaan dengan kajian Tee Tze Kiong (2003) yang menunjukkan bahawa pelajar-pelajar STP (A,E, J) lebih cenderung mengamalkan gaya pembelajaran Diverger. Ia diikuti oleh gaya pembelajaran Accommodator, Assimilator dan Converger.

Dalam tahun 1994, Harvages(1996) dalam Hamzah Nun (1999) telah menjalankan kajian keatas pelajar tahun dua, tiga dan empat di institusi pengajian tinggi yang mengikut kursus kejuruteraan mekanikal. Beliau menggunakan model Kolb untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar tersebut. Menurut beliau gaya pembelajaran Diverger adalah kreatif, pandai dalam memilih alternatif dan memahami masalah manusia. Beliau menyatakan bahawa kebanyakan ahli profesional dari pemasaran, pengurusan dan organisasi-organisasi perkhidmatan lebih cenderung kepada gaya pembelajaran Diverger.

Menurut Claxton dan Murell (1988) pelajar-pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran jenis pencapahan (diverger) cenderung untuk membuat persepsi terhadap maklumat konkrit, jelas dan nyata. Kemudian akan memproseskannya melalui pemerhatian yang reflektif untuk mendapatkan idea baru tanpa melakukan sebarang perlakuan yang praktikal.

Selain itu, Kajian yang dilakukan oleh Lee (2000) juga mempunyai persamaan iaitu pelajar-pelajar STP (A,E,J) juga cenderung mengamalkan gaya pembelajaran Diverger. Pelajar seperti ini mempunyai sifat-sifat tertentu dimana mereka menyukai tugas belajar yang menghasikan idea-idea (brainstorming).

Manakala gaya pembelajaran Assimilator mencatatkan peratusan yang kedua tertinggi dari semua gaya pembelajaran iaitu iaitu seramai 8 orang responden atau mewakili 14.3%. Individu yang cenderung kepada asimilasi (asimilator) mempunyai kebolehan menghasilkan model teorikal. Mereka akan lebih menitikberatkan konsep yang abstrak. Gaya belajar mereka ialah dengan mengamati secara abstrak dan memprosesnya secara reflektif. Gaya pembelajaran Accomodator dan pemusatan(Converger) mencatatkan 5 orang responden atau mewakili 8.9%. Bagi individu yang cenderung kepada gaya pembelajaran Converger mereka mempunyai kekuatan dalam mengaplikasikan idea secara praktikal, manakala bagi individu yang cenderung kepada Accomodar, mereka mempunyai kekuatan dalam melakukan kerja berasaskan rancangan dan eksperimen.

Persoalan kajian 2

Perbezaan yang signifikan diantara gaya pembelajaran dikalangan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan (dari segi Jantina).

Hipotesis 1 yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar mengikut jantina telah dibentuk dari persoalan kajian ini. Ujian t telah dijalankan bagi menguji samada terdapat perbezaan yang signifikan atau sebaliknya antara gaya pembelajaran pelajar mengikut jantina. Didapati bahawa nilai $t = -0.201$, $p < 0.841$. maka ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar mengikut jantina.

Maka hipotesis 1 yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar mengikut jantina ditolak. Dengan ini faktor jantina bukan satu faktor utama dalam mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar. Dapatan ini memperkukuhkan lagi kajian yang telah dijalankan oleh Honey dan Mumford (1992) dalam Tee Tze Kiong (2003) yang merumuskan bahawa terdapat perbezaan yang kecil antara gaya pembelajaran perempuan dengan gaya pembelajaran lelaki.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Severeins dan Dam (1997), menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam gaya pembelajaran dengan jantina yang berusia di antara 16 hingga 22 tahun. Sebelumnya, pengkaji yang sama (Severeins dan Dam, 1997) dalam tahun 1994, menggunakan Learning Styles Inventory (Kolb, 1984) dan Entwistle's Approaches Studying Inventory (Entwistle, 1981)

juga mendapati tiada terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya pembelajaran antara jantina. Menurut kajian yang dijalankan oleh Loo (1997), mendapati bahawa tiada perubahan gaya pembelajaran dikalangan 42.4% hingga 56.7% responden mengikut jantina.

Kajian ini juga mempunyai persamaan dengan kajian Tee Tze Kiong (2003) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran Kolb dengan jantina.

Kajian Hamdan (2001) keatas 1086 orang pelajar Universiti Teknologi Malaysia mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan keatas gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar, kajian Lawrence (1997) keatas 353 orang guru Sekolah Menengah, pensyarah dan pentadbir institusi Pengajian Tinggi juga tidak mempunyai perbezaan.

Persoalan kajian 3

Hubungan yang signifikan diantara gaya pembelajaran dikalangan pelajar-pelajar dengan tahap pendapatan keluarga.

Hipotesis 2 yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan tahap pendapatan keluarga telah dibentuk dari persoalan kajian ini. Ujian korelasi koefisien Person (Person Product-Moment Correlation Coefficient) (r) telah dijalankan bagi menguji samada terdapat perbezaan yang signifikan atau sebaliknya antara gaya pembelajaran pelajar-pelajar dengan tahap pendapatan keluarga. Didapati bahawa nilai $r = -0.26$, $p < 0.849$. Maka ini menunjukkan bahawa hubungan antara gaya pembelajaran dengan dengan tahap pendapatan keluarga adalah sangat lemah dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar. Maka hipotesis 2 yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar mengikut dengan tahap pendapatan keluarga ditolak.

Dalam kajian ini, tidak terdapat hubungan antara gaya pembelajaran pelajar dengan pendapatan keluarga mungkin disebabkan faktor kewangan pelajar tidak akan mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar-pelajar cemerlang. Ini juga mungkin disebabkan oleh faktor lain yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar-pelajar. Contohnya suasana pelajar itu dibesarkan berbeza diantara satu sama lain yang menyebabkan gaya pembelajaran mereka adalah berbeza. Dalam gaya pembelajaran, faktor persekitaran juga memainkan perana penting dalam mempengaruhi gaya pembelajaran seseorang pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Hamzah Nun pula menunjukkan dapatan yang berlainan iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar dengan pendapatan keluarga. Menurut kajian yang dilakukan oleh beliau, perbezaan antara gaya pembelajaran dengan pendapatan keluarga mungkin disebabkan oleh situasi kewangan pelajar mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar-pelajar tersebut.

Persoalan kajian 4

Hubungan yang signifikan gaya pembelajaran dikalangan pelajar-pelajar dengan tahap pencapaian subjek matematik moden dan bahasa Inggeris dalam SPM.

Hipotesis 3 yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan tahap pencapaian subjek matematik moden dalam SPM telah dibentuk dari persoalan kajian ini. Ujian korelasi koefisien Person (Person Product- Moment Correlation Coefficient) (r) telah dijalankan bagi menguji samada terdapat hubungan yang signifikan atau sebaliknya antara gaya pembelajaran pelajar-pelajar dengan tahap pencapaian subjek matematik moden dalam SPM . Didapati bahawa nilai $r = -0.396$, $p < 0.775$.

Maka ini menunjukkan bahawa hubungan antara gaya pembelajaran dengan dengan tahap tahap pencapaian subjek matematik moden dalam SPM adalah sangat lemah dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar.

Hipotesis 3 juga menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan tahap pencapaian subjek bahasa inggeris dalam SPM telah dibentuk dari persoalan kajian ini.. Didapati bahawa nilai $r = 0.042$, $p < 0.759$. Maka ini menunjukkan bahawa hubungan antara gaya pembelajaran dengan dengan tahap tahap pencapaian subjek bahasa inggeris dalam SPM adalah juga adalah lemah dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar.

Maka hipotesis 3 yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar mengikut dengan tahap pencapaian subjek matematik moden dan Bahasa Inggeris dalam SPM ditolak. Dari dapatan analisis menunjukkan bahawa tahap pencapaian pelajar dalam SPM tidak mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar di institusi pengajian tinggi. Apabila pelajar belajar di institusi pengajian tinggi, gaya pembelajaran pelajar adalah berlainan ketika belajar di sekolah. Maka keputusan dalam SPM tidak akan mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar semasa di institusi pengajian tinggi.

Kajian yang dijalankan oleh Hamzah Nun pula menunjukkan dapatan yang sama iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar dengan kelulusan dalam SPM. Dalam kajian ini menyatakan hubungan yang tidak ketara mungkin disebabkan oleh sebilangan besar responden dalam kajian ini memperoleh pangkat satu bagi keputusan SPM mereka

Rumusan

Secara keseluruhannya, penyelidik merumuskan bahawa gaya pembelajaran pelajar cemerlang adalah berbeza-beza kerana setiap individu mempunyai jenis pembelajaran yang tersendiri. Namun kebanyakan pelajar-pelajar cemerlang fakulti mengamalkan gaya pembelajaran pencapahan (diverger) iaitu 38 orang responden atau mewakili 67.9% . Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran jenis pencapahan (diverger) adalah mempunyai kebolehan imaginatif yang kuat. Mereka yang tergolong dalam kategori ini juga dapat memandang sesuatu situasi dari perspektif berbeza dan menjana idea secara spontan. Manakala selebihnya bagi pelajar cemerlang tahun empat adalah mengamalkan gaya pembelajaran Assimilator, Accomodator dan Converger. Dimana pertusan ketiga-tiga jenis pembelajaran tersebut tidak banyak perbezaan peratusan.

Kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar-pelajar cemerlang mengikut jantina. Manakala bagi persoalan 3 dan 4 yang menggunakan Ujian korelasi(r), menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan tahap pendapatan keluarga. Ini kerana nilai yang diperolehi adalah sangat lemah. Hasil analisis juga mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan tahap pencapaian subjek Matematik dan bahasa Inggeris dalam SPM kerana hasil analisis mendapati hubungannya adalah lemah dan sangat lemah. Maka semua hipotesis yang dibuat iaitu hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar dengan Pendapatan keluarga, tahap pencapaian subjek Matematik dan bahasa Inggeris dalam SPM adalah ditolak

Rujukan

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusuf Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Mengusai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbitan PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

- Che Zaini binti Che Chik (2000). *Pola Gaya Pembelajaran Dan Pola Kepelbagaian Kecerdasan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah-Sekolah Menengah Di Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Malaysia.
- Claxton, Charles S. & Murrell, Patricia H. (1988). *Learning Styles, Eric Digest*. <http://ericae.net/edo/ED301143.htm>
- Cynthia Marie Burskey (2004). *Assesment of the Learning Styles of Students at the Eastern Caribbean Institute of Agriculture and Forestry, Centeno, Trinidad and tobago* Identification of Teaching, West Virgia University.
- Dunn dan Dunn (1978). Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach. Dalam Mok Soon Sang (2004). *Imu Pendidikan Untuk KPLI: Sekolah Menengah Semester 1 dan 2*. (Edisi ketiga). (pp.294). Subang Jaya. Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Ee Ah Meng (2002), *Pedagogi III: Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ee Ah Meng (1995). *Murid Dan Proses Pembelajaran Asas Pendidikan 2*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Esah Sulaiman (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Johor: Penerbitan UTM.
- Filbeck, Greg. Smith, Linda L.(1998). *Learning Styles, Teaching Strategies, And Predictors Of Success For Students In Corporate. From Finance*.<http://ehostvgw2.epnet.com/fulltext.asp>
- Hamzah Nun (1999). *Gaya pembelajaran pelajar di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Malaysia.
- Harold Henke(1996). *Learning Theory Applying Kolb's Learning Style Iventory with Computer Basad Training*. From http://www.cartula.com/LEARNING_THEORY.PDF
- Haryati Musa (2001). *Tinjauan gaya pembelajaran pelajar-pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Healey, M. And Jenkins (2000). *Learning Cycles and Learning Style: Kolb's Experiantal Learning Theory and Its App;ication In Geography in Higher Education*. From <http://www.clelf.ac.uk/el/philg/gdn/discuss/index> Honey, P. and Mumford, A. (1986). "The Manual of Learning Styles." Maidenhead : Homey. From http://www.kitkat.wvu.edu.gogo/files/3313.2Burskey_Cyanthia_thesis.pdf
- Kamus Dewan (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kolb, David A. (1984). *Experiential Learning*. Englewood cliffs, New Jersey: Prentise Hall, Inc.